

# Pemahaman berpengakap dikongsikan bersama Ahli Pengakap



AHLI Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkumpul bagi aktiviti sebelah petang, iaitu membun model gajet (atas), manakala gambar atas kanan, Ahli PPNBD semasa membuat pembentangan.

Berita dan Foto : Ihsan Siti Aida Tajudin,  
Media Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan

**GADONG**, Isnin, 5 April. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Kelana (Rover Scouts Section), iaitu Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (Brunei Rover Scout Secretariat) menganjurkan Perhimpunan Pengakap Kelana Senegara Ke-3.

Perhimpunan ini dihadiri oleh lebih 80 Ahli Pengakap Kelana daripada Pasukan Pengakap Kelana Terbuka Gadong, Pasukan Pengakap Kelana UNISSA,

Pasukan Pengakap Kelana KUPUSB dan Pasukan Pengakap Kelana IGS.

Tujuan perhimpunan diadakan adalah untuk menghimpunkan Ahli-ahli Pengakap Kelana senegara dan selain memberi pemahaman mengenai berpengakap dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang tidak terhad kepada perbincangan kumpulan sahaja, aktiviti fizikal juga dijalankan.

Antara atur cara program yang dijalankan pada perhimpunan



berkenaan adalah sesi kongsi sama pengalaman berkelana bersama Pemimpin Pengakap Kelana Terbuka Gadong-Skip Liyana binti Salleh.

Selain itu, Sesi Percambahan Minda mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) yang menegenahkan isu-isu dunia dan isu serantau juga mencari jalan yang berkemungkinan boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perhimpunan berkenaan, Ketua Pesuruhjaya (Chief Commissioner), Skipper Haji Awang Badar bin Awang Haji Ali.

Bahagian Pengakap Kelana merupakan bahagian akhir di dalam skim latihan PPNBD yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada

belia-belia yang berumur 18 tahun hingga 26 tahun.

Latihan-latihan dan program-program yang ditawarkan pada bahagian ini menjurus pada 'Life

Skill Training', seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan dan komunikasi.

Selain itu, latihan teras, seperti kemahiran aktiviti luar, iaitu mengikat, aktiviti lasak juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada skim latihan Pengakap Kelana.

Turut sama hadir, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Kelana merangkap Pesuruhjaya Ibu pejabat Bahagian Pengakap Wanita, Skipper Hajah Norahmat bin Sidin; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap (Scout Commissioners); Penolong-penolong Pesuruhjaya Daerah (Assistant District Commissioners); Pemimpin-pemimpin Pengakap (Scout Leaders); dan Ahli-ahli Pengakap Pengakap Kelana (Rover Scouts).



فجابت سور و هنجاي فر خدمتن عوام  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?  
Hubungi kami.**

How can we help you today?  
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn

NSA RECRUITMENT

## PENYERTAAN PERTANDINGAN BRUNEI MUZIK VIDEO 2021 DIBUKAKAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin  
Pg. Daudin  
Infografik : Radio Televisyen  
Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 5 April. - Jika awda berbakat dalam penerbitan muzik video, buktikan keyakinan awda dengan menyertai Pertandingan Brunei Muzik Video 2021, program hiburan terbaharu anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB), terbitan Unit Hiburan TV.

Penyertaan tersebut, kini dibukakan kepada semua artis, komposer, studio produksi dan sesiapa saja yang mempunyai lagu juga muzik video.

Tarikh penyertaan masih lagi dibukakan dan borang penyertaan hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 14 April, jam 4.00 petang, manakala tarikh

tutup penghantaran muzik video yang dipertandingkan ialah pada 31 Ogos 2021.

Hadiah menarik menanti para peserta pertandingan, seperti wang tunai, trofi, sijil penyertaan dan hadiah iringan.

Bagi orang ramai yang berminat, borang penyertaan bolehlah didapati dengan mengimbas Kod QR yang disediakan atau mengunjungi Kaunter Penyambut Tetamu RTB, di keempat-empat daerah atau memuat turun borang berkenaan di laman sesawang RTB, di [www.rtb.gov.bn](http://www.rtb.gov.bn).

Untuk maklumat lanjut, sila ikuti Instagram rasmi Unit Hiburan TV, RTB di [@unithiburantv.rtb](https://www.instagram.com/unithiburantv.rtb) atau menghubungi nombor telefon +673 2384666 sambungan 4143 atau menerusi e-mel ke [unithiburan.tv@gmail.com](mailto:unithiburan.tv@gmail.com).



**HADIAH WANG TUNAI SIJIL PENYERTAAN TROFI HADIAH IRINGAN**

**TARIKH PENYERTAAN DILANJUTKAN**

**SEHINGGA - 14 APRIL 2021 JAM 4:00 PETANG**

Terbuka kepada warga Negara Brunei Darussalam sahaja.

Borang penyertaan boleh didapati:  
-Di Kaunter penyambut tetamu RTB di keempat-empat daerah.  
-Dengan mengimbas QR kod yang disediakan.  
-Muat turun di [www.rtb.gov.bn](http://www.rtb.gov.bn)

 UNITHIBURANTV.RTB